Tan Sri Abdul Rahim bin Mohd Noor lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–13 TAHUN 2000
ZULKEFLI H
15 DISEMBER 2000

Acara Jenayah *— Hukuman — Prinsip-prinsip menghukum — Budi bicara mahkamah — Imbangan antara kepentingan awam dan kepentingan tertuduh — Latar belakang dan sumbangan perayu kepada masyarakat adalah relevan — Kesalahan yang serius — Sama ada hukuman yang konsisten mengatasi segalanya — Tiada alasan dalam penghakiman untuk menjatuhkan hukuman denda maksimum — Sama ada hukuman yang dijatuhkan adalah terlampau berat*

Perayu yang merupakan bekas Ketua Polis Negara, telah mengaku salah terhadap suatu kesalahan di bawah s 323 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ('pengadu') semasa pengadu ditutup matanya dan tangannya digari di lokap polis Bukit Aman pada 20 September 1998. Menurut laporan-laporan perubatan, pengadu telah mengalami kecederaan di bahagian kiri bahagian dahi, mata, bahagian atas bibir dan leher. Pengadu juga telah menfailkan suatu tuntutan sivil ke atas perayu berasaskan serangan perayu. Hakim mahkamah sesyen yang membicarakan kes telah mensabitkan perayu dan menjatuhkan hukuman dua bulan penjara dan denda RM2,000, jika gagal bayar dua bulan penjara ke atas perayu. Hakim mahkamah sesyen di dalam penghakimannya tidak memberi alasan-alasan mengenakan hukuman denda tersebut. Perayu telah merayu terhadap hukuman dua bulan penjara dan denda tersebut dan Pendakwa Raya telah merayu balas terhadap hukuman tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu setakat denda RM2,000 diketepikan dan menolak rayuan balas Pendakwa Raya:

(1) Kuasa penghukuman adalah terletak di atas budi bicara mahkamah yang membicarakan sesuatu kes. Mahkamah tersebut mempunyai hak dan tanggungjawab sama ada akan bersikap lembut atau keras, tetapi budi bicara tersebut hendaklah dilaksanakan menurut prinsip-prinsip penilaian hukuman yang telah diterima pakai selama ini. Hukuman yang dijatuhkan hendaklah mengimbangi di antara kepentingan awam dan kepentingan tertuduh (lihat ms 201G, 202A).

(2) Latar belakang terdahulu perayu dan sumbangannya kepada masyarakat adalah relevan dalam memberi pertimbangan hukuman yang sesuai yang boleh dijatuhkan ke atasnya (lihat ms 202G–H).

(3) Walau bagaimanapun, kesalahan perayu terhadap pengadu adalah sesuatu yang amat serius dan hukuman yang dijatuhkan

adalah bertujuan menjadikannya sebagai suatu bentuk pencegahan iaitu suatu pengajaran kepada anggota-anggota polis supaya tidak mengenepikan undang-undang semasa menjalankan tugas mereka (lihat ms 203A–B).

(4) Sungguhpun hukuman yang konsisten bentuknya bagi sesuatu kesalahan yang sama adalah matlamat yang diharapkan dalam sesuatu penghukuman, ia bukanlah pertimbangan yang mengatasi segalanya. Sesuatu kes tersebut hendaklah dipertimbangkan di atas meritnya. Di dalam kes ini, perbuatan perayu telah mendatangkan kesusahan kepada seluruh negara kerana dengan suasana politik yang tegang di dalam negara pada masa itu, serangan yang dilakukan oleh perayu terhadap pengadu sebaik sahaja pengadu ditangkap memburukkan lagi keadaan (lihat ms 204B–C, E).

(5) Dalam kes perayu sekarang di mana tindakan pendakwaan terhadap perayu telah diambil oleh Pendakwa Raya dan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh pengadu adalah amat seruis, maka hukuman penjara dua bulan yang dijatuhkan ke atas perayu tidaklah boleh dianggap sebagai terlampau berat (lihat ms 205G–H).

(6) Dengan ketiadaan alasan-alasan penghakiman kenapa hukuman denda tersebut dikenakan, mahkamah mendapati denda tersebut adalah tidak sesuai dan berpatutan dan hendaklah diketepikan. Tanpa faedah mengetahui apakah asas pertimbangan yang telah diambil kira oleh hakim mahkamah sesyen dalam mengenakan hukuman denda tersebut dan sama ada beliau telah menggunakan prinsip-prinsip undang-undang yang betul, terutamanya setelah beliau menjatuhkan hukuman penjara ke atas perayu, mahkamah berpendapat hakim mahkamah sesyen tersebut telah tersilap dalam prinsip-prinsip penghukuman yang mengkehendaki alasan-alasan diberi ke atas sesuatu hukuman yang dijatuhkan, iaitu hukuman denda maksimum dalam kes ini (lihat ms 206G–I).

(7) Berhubung dengan rayuan balas pihak Pendakwa Raya, mahkamah berpendapat hukuman dua bulan penjara adalah tidak terlampau ringan dan ia adalah berpatutan atas alasan bahawa hakim mahkamah sesyen tersebut telah dengan betul mempertimbangkan akan seriusnya kesalahan yang dilakukan oleh perayu dan kemudiannya telah mengimbangi di antara kepentingan awam dengan kepentingan perayu dalam menjatuhkan hukuman penjara ke atas perayu. Hakim mahkamah sesyen tersebut telah dengan betul melaksanakan kuasa budi bicara yang diletakhak ke atasnya (lihat ms 207A–B).

[**English summary**

The appellant was the former Chief Police Officer and had pleaded guilty to an offence under s 323 of the Penal Code for deliberately

causing hurt to the former Deputy Prime Minister, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ('complainant') when the complainant was blindfolded and handcuffed in the Bukit Aman police lock-up on 20 September 1998. According to medical reports, the complainant sustained injuries on the left side of his forehead, eyes, upper lip and neck. The complainant filed a civil claim against the appellant based on the attack. The sessions court judge who tried the case convicted the appellant and sentenced him to two months imprisonment and a fine of RM2,000, failure of which will result in another two months imprisonment. The sessions court judge in his judgment gave no reasons for the sentence he meted out. The appellant appealed against the two-month imprisonment and the fine and the Public Prosecutor counter-appealed against the sentence.

Held, allowing the appellant's appeal to set aside the RM2,000 fine and dismissing the Public Prosecutor's counter-appeal:

(1) The power of sentencing lies at the discretion of the court which is trying the case. The court has the right and responsibility whether to be harsh or lenient, but that discretion has to be exercised according to principles of sentencing which have been adopted all along. The sentence meted out has to strike a balance between public interest and the interests of the accused (see pp 201G, 202A).

(2) The background of the appellant and his contributions to society are relevant in the considering an appropriate sentence for the appellant (see p 202G–H).

(3) However, the wrong done by the appellant against the complainant was a serious matter and the sentence is intended to be a deterrent and a lesson to the police officers not to disregard the law when carrying out their duties (see p 203A-B).

(4) Although consistent sentencing for the same offence is one of the objectives of sentencing, it is not a consideration which overrides everything else. Each case has to be considered on its own merits. In this case, the appellant's actions troubled the entire nation because with the political tension at the time, the attack by the appellant on the complainant worsened the situation (see p 204B–C, E).

(5) In the appellant's present case where actions to prosecute the appellant are taken by the Public Prosecutor and the injuries sustained by the complainant were very serious, the two-month imprisonment sentence cannot be regarded as being too severe (see p 205G–H).

(6) As no grounds of judgment were given as to why the fine was imposed, the court found the fine inappropriate and unreasonable and must be set aside. Without the benefit of knowing the basis for the considerations taken into account by the sessions court judge in imposing the fine and whether he has used the correct

legal principles, especially since he had imposed a prison sentence on the appellant, the court found that the sessions court judge has erred in sentencing principles which require grounds to be given for any sentence meted out, namely, the maximum fine in this case (see p 206G–I).

(7) As regards the counter-appeal by the Public Prosecutor, the court found the two-month imprisonment sentence not too light and it was reasonable on the ground that the sessions court judge had weighed the seriousness of the appellant's offence and had struck a balance between public interest and the interests of the appellant in sentencing the appellant. The sessions court judge had correctly exercised the discretion bestowed on him (see p 207A–B).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai prinsip-prinsip menghukum, lihat 5 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1997 Reissue) perenggan-perenggan 2904–2971.

Kes-kes yang dirujuk

Harry Lee Wee v PP [1980] 2 MLJ 56 (refd)
Lai Kim Hon & Ors v PP [1981] 1 MLJ 84 (refd)
Lim Guan Eng v PP [1998] 3 MLJ 14 (refd)
PP v Khairuddin [1982] 1 MLJ 3311 (refd)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (refd)
PP v Muhari bin Mohd Jani & Anor [1996] 3 MLJ 116 (refd)
PP v Sulaiman bin Ahmad [1993] 1 MLJ 74 (refd)
PP v Tengku Mahmood Iskandar & Anor [1973] 1 MLJ 128 (refd)
Raja Izzuddin Shah v PP [1979] 1 MLJ 270 (refd)
Sim Yew Thong v Ng Loy Nam Thomas and other appeals [2000] 4 SLR 193 (refd)
Yeow Fook Yuen & Anor v Regina [1965] 2 MLJ 80 (refd)
Yong Siew Soon & Anor v PP [1992] 2 SLR 933 (refd)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pencen 1980 ss 21(1), (3)
Kanun Acara Jenayah s 294(1)
Kanun Keseksaan ss 323, 325, 353, 511

Kumaraendran (*V Sithambaran* bersamanya) (*Kumar & Co*) untuk perayu.

Sallehudin bin Saidin (*Dzulkifli Ahmad* bersamanya) (Kamar Peguam Negara) untuk pihak pendakwaan.

Zulkefli H:

Pendahuluan

Ini adalah satu kes yang telah mencipta sejarah di Malaysia. Insiden dalam kes ini telah mengejutkan negara kerana ia melibatkan seorang pegawai

penguatkuasa undang-undang yang tertinggi iaitu Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Abdul Rahim bin Mohd Noor (perayu) dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (pengadu). Perayu telah mengaku salah terhadap suatu kesalahan di bawah s 323 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan ke atas pengadu semasa pengadu ditutup matanya dan tangannya digari di lokap polis Bukit Aman pada jam lebih kurang 10.45 malam pada 20 September 1998.

Perayu pada asalnya telah dituduh di bawah s 325 Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut') dibaca bersama s 511 Kanun tersebut di atas percubaan mendatangkan kecederaan parah kepada pengadu. Walau bagaimanapun, di atas satu representasi yang dibuat oleh peguam perayu, pihak pendakwaan telah mengurangkan pertuduhan kepada dengan sengaja mendatangkan kecederaan di bawah s 323 Kanun tersebut di mana perayu telah mengaku salah. Setelah berpuashati bahawa perayu faham akan bentuk dan akibat pengakuan salahnya, hakim mahkamah sesyen yang membicarakan kes ini telah mensabitkan perayu dan menjatuhkan hukuman dua bulan penjara dan denda RM2,000, jika gagal bayar dua bulan penjara ke atas perayu.

Tidak berpuashati dengan hukuman tersebut, perayu telah merayu terhadapnya. Pihak pendakwaan sebaliknya telah mengemukakan rayuan balas terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen tersebut yang dikatakan tidak memadai dan terlalu ringan.

Fakta

Untuk memudahkan rujukan, saya dengan ini mengemukakan semula fakta-fakta kes yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan di hadapan hakim mahkamah sesyen yang membicarakan kes ini seperti berikut:

> Fakta kes
> Pengadu: Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.
> Orang Kena Saman [OKS]: Tan Sri Abdul Rahim bin Mohd Noor.
> Pertuduhan Pindaan:
>
> > 'Bahawa kamu pada atau lebih kurang jam 10.45 malam pada 20 September 1998 di sel No 6, lokap polis Tingkat Bawah, Bangunan Podium Bukit Aman di dalam Daerah Dang Wangi di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah dengan sengaja mendatangkan kecederaan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim KP: 0977280, dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 323 Kanun Keseksaan'.

Pada 20 September 1998, pada jam lebih kurang 8.15pm, sekumpulan anggota polis yang diketuai oleh Komander PGK Dato' Meor Che Hussin telah diarahkan menangkap Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (pengadu) di kediaman beliau di alamat No 8, Jalan Setiamurni 1, Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Tangkapan ke atas pengadu berjaya dilakukan pada jam lebih kurang 10pm dan pengadu telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Pengadu

telah dimasukkan ke dalam sel No 6, bertempat di lokap polis Tingkat Bawah, Bangunan Polis Bukit Aman.

Pada jam lebih kurang 10.45pm, Tan Sri Abdul Rahim bin Mohd Noor ('OKS') yang ketika itu ketua polis negara telah turun dari Tingkat 30 bangunan tersebut seorang diri. Beliau tiba di tingkat bawah dan disambut oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Dato' Yaacob bin Md Amin dan mereka berjalan ke arah lokap. Dato' Ramli bin Yusof, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah ketika itu berada di kawasan lokap.

Setibanya OKS di kawasan lokap, OKS telah memberi arahan melalui isyarat, kepada beberapa anggota polis di situ supaya diam dan menutup mata serta menggari tangan pengadu. Lantas mata pengadu ditutup dan tangan beliau digari dan anggota-anggota tersebut keluar dari sel tersebut.

Setelah itu, OKS berjalan menghala ke sel no 6 diikuti oleh Dato' Yaacob dan Dato' Ramli. OKS kemudiannya terus masuk ke dalam sel no 6 dan lantas menyerang pengadu dengan menumbuk dahi kiri pengadu serta menamparnya beberapa kali. Pengadu telah menjerit kesakitan sebaik sahaja diserang. Jeritan itu menyebabkan Dato' Ramli meluru masuk ke sel no 6 serta menahan OKS dari memukul pengadu lagi. Sementara itu, Dato' Yaacob bin Md Amin juga masuk ke sel tersebut dan menarik OKS keluar dari sel itu. OKS kemudiannya naik semula ke tingkat 30 bersama-sama Dato' Yaacob. Dato' Ramli kemudiannya mengarah anggota-anggota polis yang ada supaya merawat pengadu.

Pengadu telah diberi rawatan doktor pada 24 September 1998 dan kemudiannya membuat aduan seperti dalam THS Lee Report No 25223/98. Rawatan doktor menunjukkan pengadu mengalami:

(i) Kecederaan 'soft tissue' di bahagian dahi sebelah kiri yang diakibatkan oleh 'blunt trauma'.

(ii) Kesakitan di leher yang diakibatkan oleh 'blunt trauma'.

(iii) Kecederaan di bibir atas sebelah dalam yang diakibatkan oleh tamparan.

Hasil siasatan polis menunjukkan OKS telah menyerang pengadu dengan niat untuk mencederakan pengadu. Berdasarkan fakta ini, ternyata semua elemen di bawah kesalahan s 323 Kanun Keseksaan telah dipenuhi untuk membolehkan satu sabitan dikenakan terhadap OKS.

Laporan-laporan perubatan

Pengadu telah pertama kali diperiksa oleh Dr Vasantha Ponniah dari Hospital Kuala Lumpur pada 24 September 1998 seperti yang dapat dilihat dalam laporan perubatan di ms 71–72 rekod rayuan; kedua oleh Dr Abdul Halim bin Haji Mansar dan Dr Zahari bin Noor, dari Bahagian Forensik, Jabatan Patologi Hospital Kuala Lumpur pada 27 September 1998 seperti dalam laporan perubatan di ms 74–76 rekod rayuan; ketiga oleh Dr Haji Ahmad Shukri Mohamed dari Pusat Pakar Mata Shukri & Hardeep, Kuala Lumpur pada 29 September seperti dalam laporan perubatan di ms 73 rekod rayuan; dan keempat oleh suatu panel perubatan empat orang pakar

dari Hospital Universiti dan Hospital Kuala Lumpur pada 2, 3 dan 4 Oktober l998, seperti dalam laporan perubatan di ms 78–86 rekod rayuan.

Laporan pemeriksaan perubatan terhadap pengadu yang dibuat oleh Patologi Forensik Dr Abdul Halim dan Dr Zahari seperti di ms 75 rekod rayuan mengemukakan kecederaan-kecederaan yang dinyatakan seperti berikut:

(1) Swelling of left forehead measuring 5 x 4cm, yellowish green in colour.

(2) Haematoma of upper and lower left eye lid measuring 4 x 5cm, yellowish green in colour.

(3) Laceration wound on the middle upper lip measuring 0.5 x 0.5cm.

(4) Swelling of right middle concha of the nose.

(5) Bruises on right parieto-occipital measuring 3 x 4cm.

(6) Bruises on hairline back of left neck measuring 4 x 3cm.

(7) Finger marks on the right upper arm (medial aspect) measuring 5 x 3cm.

Hand: yellowish green in colour.

Akibat dari pemeriksaan perubatan tersebut, kedua-dua pakar patologi forensik tersebut membuat rumusan yang mengatakan seperti berikut:

(1) He ('the complainant') sustained soft tissue injuries to the left forehead, the right side of the head, back of the left side of the neck and the right upper arm. The injuries are caused by blunt trauma. Most probably being punched.

(2) The laceration at the middle of the inner part of the upper lip indicates that there was an impact between the lip and the underlying teeth, suggested that a sideway fiction between the tissues has occurred. This type of injury is consistent with a wide surface blunt impact such as slapping.

(3) The injuries clearly showed healing stage with greenish yellow colour. This suggested that they were inflicted about seven days from the date of this examination.

(4) In our opinion, the patient was hit by a blunt object at least four times on the head and neck and slapped at least twice.

(5) In conclusion, the injuries sustained are consistent with an assault rather than self-inflicted.

Panel perubatan yang mengandungi Profesor Dato' Dr Annuar Zaini bin Md Zain, seorang perunding perubatan dan endokrinologi dan Profesor Dr David SK Choong, seorang pakar bedah ortopedik rundingan dari Hospital Universiti, serta Dato' Dr (Mrs) Kew Siang Tong, seorang perunding perubatan dan gastroenterologi dan Dato' Dr Muhd Borhan Tan, seorang pakar bedah ortopedik rundingan dari Hospital Kuala Lumpur telah memeriksa pengadu pada 2, 3 dan 4 Oktober 1998 dan telah merumuskan hasil pemeriksaan mereka dalam laporan perubatan di ms 85 rekod rayuan seperti berikut:

FINAL IMPRESSION

The panel examined Datuk Seri Anwar Ibrahim on 2 October 1998, 12 days after the alleged assault. At the time of the examination, the panel found a

resolving left peri-orbital haematoma, and an ill-defined area of redness and mild swelling over the vertex. A

There was no evidence of other significant external or internal injuries. This was substantiated by the negative radiological examination. However, negative finding does not exclude an acute or transient pathology to the brain.

The panel noted significant cervical spondylosis at the level of C5/C6 on the left side, consistent with Datuk Seri's symptoms. These symptoms could be an exacerbation of an established illness, or could be aggravated by the alleged assault. The radiological examination confirmed the presence of significant spondylosis at C5/C6, and less severe changes at C4/C5. Compared with previous radiological examination done in January 1993, there was no significant deterioration. The alleged assault did not appear to have caused any bone or disc damage. Given Datuk Seri's current circumstances, the panel is of the opinion that his symptoms of pain and tingling sensation of the left upper limb are more likely to be a manifestation of an established pathology. A cervical collar was prescribed to alleviate his pain, and to prevent further aggravation. B C

The other findings include sinusitis and labile blood pressure. The sinusitis could have contributed to the overall ill health since his detention. The labile blood pressure may be stress induced, and should be monitored periodically. D

An earlier examination may provide more clinical and radiological evidence of external and internal injuries.

Begitulah fakta-fakta dan laporan-laporan perubatan yang lengkap yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan seperti yang dinyatakan di atas dan sekarang saya akan meneliti pula hujah-hujah rayuan dan rayuanbalas yang dikemukakan oleh pihak perayu dan pihak pendakwaan masing-masing. E

Rayuan F

Di hadapan saya, En K Kumaraendran, yang dibantu oleh En V Sithambaran, peguam-peguam bijaksana perayu, antara lain, berhujah seperti dalam hujahan bertulis dan lisan mereka, bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu adalah tidak sesuai berasaskan fakta-fakta kes dan adalah terlalu berat dalam hal keadaan kes tersebut. En Kumaraendran mendakwa bahawa hakim mahkamah sesyen tersebut telah gagal memberi pertimbangan yang mencukupi ke atas latarbelakang perayu dan sumbangan cemerlangnya kepada negara. Walaupun dengan rekod perkhidmatan awam perayu yang cemerlang dan sebagai seorang pesalah pertama, hakim mahkamah sesyen tersebut, selain dari mengenakan denda maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang, juga telah menjatuhkan hukuman penjara ke atas perayu. Peguam perayu mengatakan bahawa perayu tidak sepatutnya diadili berbeza dari warga negara biasa yang lain, hanya kerana beliau adalah KPN di negara ini. Mahkamah ini diminta memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas hal keadaan kes ini secara menyeluruh dan tidak memberi tekanan berat yang tidak sepatutnya ke atas kedudukan tinggi perayu di mata masyarakat. G H I

Peguam perayu berhujah bahawa sekiranya seorang warga negara yang lain melakukan kesalahan yang sama seperti perayu, orang tersebut paling

tinggi akan dikenakan denda sahaja. Perayu dikatakan telah berasa penuh bersalah dan mengambil tanggungjawab sepenuhnya di atas kejadian tersebut dengan meletak jawatannya. Hakim mahkamah sesyen tersebut telah gagal mengambil kira bahawa pengadu telahpun memfailkan suatu tuntutan sivil ke atas perayu berasaskan serangan perayu terhadap pengadu dalam kes ini, dan ini hendaklah dianggap sebagai suatu faktor peringanan hukuman oleh kerana pengakuan salah dalam mahkamah jenayah akan memudahkan pembuktian dan akan membolehkan pengadu mendapat pampasan yang sewajarnya. Peguam perayu juga berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen tersebut telah tersilap dalam menjustifikasikan perbezaan ketara hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu dengan mengatakan alasan bahawa perbuatan perayu telah membawa padah kepada seluruh negara, manakala perbuatan tertuduh dalam kes-kes *PP v Tengku Mahmood Iskandar & Anor* [1973] 1 MLJ 128 dan *Raja Izzuddin Shah v PP* [1979] 1 MLJ 270 hanya membawa padah kepada seorang individu. Akhir sekali, peguam perayu merayu kepada mahkamah ini agar meringankan hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu dengan tidak mengenakan hukuman penjara oleh kerana kehendak kepentingan awam akan masih dipenuhi dengan sabitan dan denda dikenakan ke atas perayu.

Rayuan Balas

Berhubung dengan rayuan balas pihak Pendakwa Raya, timbalan pendakwa raya yang bijaksana En Salehuddin yang dibantu oleh En Dzulkifli telah berhujah bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas perayu dalam hal keadaan kes ini terlampau ringan dan tidak mencukupi. Beliau berkata perayu, di atas perbuatannya, telah merosakkan nama baik negara, dan untuk menunjukkan penolakan rasmi masyarakat terhadap keganasan polis, hukuman ke atas perayu hendaklah ditambah.

Keputusan

Kuasa penghukuman terletak di atas budibicara mahkamah yang membicarakan sesuatu kes. Mahkamah tersebut mempunyai hak dan tanggungjawab samada akan bersikap lembut atau keras, tetapi budibicara tersebut hendaklah dilaksanakan menurut prinsip-prinsip penilaian hukuman yang telah diterima pakai selama ini (lihat *PP v Khairuddin* [1982] 1 MLJ 331).

Prinsip undang-undang yang menggarispandu rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah yang membicarakan sesuatu kes buat pertama kali juga telah jelas diputuskan sebelum ini. Mahkamah rayuan tidak akan mengganggu sesuatu hukuman yang dijatuhkan melainkan ianya dapat ditunjukkan bahawa dalam hal keadaan sesuatu kes tersebut, hukuman tersebut terlampau berat atau ringan ataupun dalam menetapkan hukuman tersebut, mahkamah telah gagal menimbang semua faktor-faktor yang relevan secara mencukupi samada untuk atau terhadap pesalah yang berkenaan (lihat *PP v Sulaiman bin Ahmad* [1993] 1 MLJ 74). Ia telah menjadi suatu amalan yang diterima bahawa mahkarnah rayuan

tidak akan mengubah sesuatu hukuman hanya kerana ianya mungkin menjatuhkan hukuman yang berlainan. Walaubagaimanapun, hukuman yang dijatuhkan hendaklah mengimbangi kepentingan awam dan kepentingan tertuduh (lihat *PP v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256). Dalam kes *Lim Guan Eng v PP* [1998] 3 MLJ 14, Gopal Sri Ram HMR, dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan, antara lain, menyatakan seperti berikut (di ms 52B–D):

> Suffice to say that a court should, when sentencing an accused, take into account all considerations, relevant to the case, including the gravity of the offence, the circumstances surrounding the commission of the offence, the antecedents of the accused, the deterrent effect that punishment is to have, any factor that warrants special attention either in favour or against the accused and above all the public interest. Reasons must be given for imposing a particular sentence to enable an appellate court to ensure that there has been no error in principle.

Prinsip-prinsip penghukuman di atas telah dipetik oleh hakim mahkamah sesyen yang membicarakan kes ini dalam penghakimannya. Adalah dengan prinsip-prinsip yang sama yang dinyatakan di atas, bahawa saya akan membuat pendekatan dan penilaian terhadap rayuan dan rayuan balas kedua-dua belah pihak dalam kes ini.

Adalah diperuntukkan bahawa seseorang yang didapati bersalah di atas kesalahan di bawah s 323 Kanun Keseksaan hendaklah dihukum dengan penjara bagi tempoh yang boleh sampai satu tahun, atau dengan denda yang boleh sampai RM2,000 atau kedua-duanya sekali. Jelas bahawa peruntukan tersebut menunjukkan seriusnya kesalahan tersebut oleh kerana pilihan pertama hukuman di bawah seksyen tersebut adalah hukuman penjara. Tetapi ini tidak bermakna bahawa mahkamah tidak boleh mengenakan denda ke atas seorang pesalah bagi kesalahan tersebut. Sekiranya fakta-fakta dan hal keadaan sesuatu kes membenarkannya, suatu hukuman denda adalah teratur di bawah seksyen tersebut.

Perayu adalah seorang yang terkenal dan yang dihormati. Pada masa kesalahan ini dilakukan, beliau adalah pegawai polis yang berpangkat tinggi sekali di negara ini. Mengikut peguamnya, perayu telah berkhidmat dengan cemerlangnya di dalam pasukan polis selama hampir 30 tahun dan apabila sampai umur wajib persaraan, perkhidmatannya telah disambung secara kontrak.

Dengan hormatnya, saya bersetuju dengan hujah peguam perayu bahawa laterbelakang terdahulu perayu dan sumbangannya kepada masyarakat adalah relevan dalam memberi pertimbangan hukuman yang sesuai yang boleh dijatuhkan ke atasnya (lihat *Harry Lee Wee v PP* [1980] 2 MLJ 56, *Yeow Fook Yuen & Anor v Regina* [1965] 2 MLJ 80).

Dalam kes sekarang ini, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana yang membicarakan kes ini telah bertindak betul apabila beliau mengambil kira pertimbangan ke atas rekod perkhidmatan cemerlang perayu sebagai salah satu dari faktor-faktor untuk menilai hukuman (lihat perenggan 2 di ms 57 rekod rayuan). Oleh yang demikian adalah tidak betul untuk menyatakan bahawa sumbangan-sumbangan perayu telah diperkecilkan oleh hakim

mahkamah sesyen tersebut. Mahkamah ini juga menerima dan menyanjung tinggi perkhidmatan cemerlang perayu kepada negara. Walaubagaimanapun, saya bersetuju dengan hakim mahkamah sesyen tersebut bahawa kesalahan perayu terhadap pengadu adalah sesuatu yang amat serius dan hukuman yang dijatuhkan adalah bertujuan menjadikannya sebagai suatu bentuk pencegahan, iaitu suatu pengajaran kepada anggota-anggota polis supaya tidak mengenepikan undang-undang semasa menjalankan tugas mereka. Sungguhpun diakui bahawa tugas penyenggaraan undang-undang dan ketenteraman awam oleh pihak polis adalah berat dan mencabar, pihak polis sepatutnya harus tidak lupa bahawa undang-undang negara melindungi setiap orang yang tinggal di negara ini. Tiada seorang, tidak kira status kedudukannya, boleh bertindak sesuka hatinya dengan membelakangkan undang-undang. Pegawai-pegawai polis adalah penjaga undang-undang dan mereka diharapkan mempertahankan dan bukan melanggar undang-undang (lihat kes *PP v Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1996] 3 MLJ 116).

Dalam kes sekarang ini, perayu telah dihukum penjara dua bulan dan denda RM2,000, jika gagal bayar dua bulan penjara. Dalam menghukum perayu, hakim mahkamah sesyen tersebut telah memberi pertimbangan yang sewajarnya akan perlunya suatu hukuman yang dijatuhkan tersebut diimbangi di antara kepentingan awam dan kepentingan perayu. Saya mendapati hakim mahkamah sesyen tersebut tidak mengadili perayu berbeza daripada warganegara yang lain, hanya kerana perayu adalah seorang KPN negara ini. Sesungguhnya perayu telah dihukum kerana perbuatan jenayahnya, di mana ianya telah diburukkan lagi dengan cara dan hal keadaan bagaimana kesalahan tersebut dilakukan ke atas pengadu. Perbuatan perayu terhadap pengadu merupakan sesuatu yang tidak boleh diterima sama sekali dan tidak seharusnya berlaku terhadap pengadu yang berada di dalam kawalan dan jagaan pihak polis. Dalam kes *Lai Kim Hon & Ors v PP* [1981] 1 MLJ 84, YAA Tun Suffian, dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan dan menyentuh tentang pandangan Mahkamah terhadap sikap pegawai polis yang mendera suspek dalam tahanan, mengatakan antara lain seperti berikut di ms 92:

> Members of the Force who do their duty in accordance with the law will receive our and the public's support and encouragement; but those who treat suspects in a cruel manner can expect to receive only very severe punishments from the courts. Parliament and the public will not allow a Savak to be established here, bringing disrepute to those responsible for the government and for the administration of justice.

Peguam perayu berhujah bahawa selaras dengan kes *PP v Tengku Mahmood Iskandar & Anor* [1973] 1 MLJ 128 dan *Raja Izzuddin Shah v PP* [1979] 1 MLJ 270, dan berserta dengan prinsip bahawa semua warganegara adalah sama di sisi undang-undang, sabitan dan denda adalah merupakan hukuman yang mencukupi dijatuhkan ke atas perayu. Dalam kes *Tengku Mahmood*, tertuduh hanya didenda di atas jenis kesalahan yang sama kerana mendatangkan kecederaan kepada tiga orang pengadu, manakala dalam kes *Raja Izzuddin Shah*, tertuduh telah dilepas dengan ikat jamin di bawah s 294(1) Kanun Acara Jenayah kerana menyerang seorang pegawai awam

dalam menjalankan tugasnya, suatu kesalahan di bawah s 353 Kanun Keseksaan. Hakim mahkamah sesyen tersebut telah membezakan kedua-dua kes tersebut atas alasan bahawa dalam kes-kes tersebut, tertuduh telah mencederakan seorang individu sahaja, manakala perayu dalam kes sekarang ini telah mendatangkan kesusahan kepada seluruh negara. Pada pendapat saya, hakim mahkamah sesyen tersebut tidak salah dalam menyatakan fakta-fakta dalam kedua-dua kes tersebut adalah jelas berlainan daripada kes perayu sekarang ini.

Dalam kes sekarang ini perlu dinyatakan bahawa adalah diketahui umum bahawa suasana politik di dalam negara pada masa itu, berbeza dengan dua kes tersebut, adalah tegang berikutan penangkapan pengadu. Serangan yang dilakukan oleh perayu terhadap pengadu sebaik sahaja pengadu ditangkap memburukkan lagi keadaan, seperti yang betul dinyatakan oleh hakim mahkamah sesyen dalam penghakimannya seperti berikut:

> Perbuatan tertuduh telah mengeruhkan lagi suasana negara dan inilah perbezaan antara kes ini dan kes yang dikemukakan oleh peguambela seperti kes *Tengku Mahmood Iskandar* dan *Raja Izzuddin*. Di dalam kes-kes tersebut perbuatan tertuduh hanya membawa padah kepada seorang individu manakala dalam kes ini perbuatan tertuduh telah membawa padah kepada seluruh negara.

Oleh yang demikian, wujud perbezaan penghukuman di antara kes sekarang ini dan dua kes tersebut. Sungguhpun hukuman yang konsisten bentuknya bagi sesuatu kesalahan yang sama adalah matlamat yang diharapkan dalam sesuatu penghukuman, ianya bukanlah pertimbangan yang mengatasi segalanya (lihat kes *Yong Siew Soon & Anor v PP* [1992] 2 SLR 933). Sesuatu kes tersebut hendaklah dipertimbangkan di atas meritnya.

Adalah betul seperti yang dihujahkan oleh peguam perayu bahawa hakim mahkamah sesyen tersebut telah gagal mengambil kira sebagai suatu faktor meringankan hukuman, tuntutan sivil yang difailkan oleh pengadu terhadap perayu berikutan dengan pengakuan salah perayu yang menjadikan tuntutan pengadu mudah dibukti untuk mendapatkan award pampasan daripada perayu. Tetapi, pada pandangan saya, kegagalan yang sedemikian tidak akan menjejaskan hukuman yang telah dijatuhkan ke atas perayu oleh kerana pengakuan salah perayu dalam tuntutan sivil pengadu, sekiranya diambil kira oleh hakim tersebut sebagai suatu faktor peringanan hukuman, masih akan diketepikan oleh faktor kepentingan awam yang lebih utama dan mengatasinya.

Berhubung dengan hal perkara bahawa perayu akan kehilangan pencennya berikutan dengan hukuman penjara yang dijatuhkan ke atas perayu yang mana hakim mahkamah sesyen ada menyentuhnya dalam penghakimannya, saya ingin menyatakan bahawa kehilangan tersebut, jika ada, adalah akibat daripada sabitan dan hukuman penjara yang dikenakan ke atas perayu. Seksyen 21(1) Akta Pencen 1980 ('Akta tersebut') memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang mana suatu pencen atau kemudahan lain telah diberi dikenakan hukuman bunuh atau apa-apa hukuman penjara oleh mahkamah, pencen atau kemudahan yang

sedemikian hendaklah diberhentikan serta-merta. Walau bagaimanapun terdapat peruntukan s 21(3) Akta tersebut di mana Yang di-Pertuan Agong boleh memberi pencen atau kemudahan lain sekiranya didapati berpatutan kepada isteri perayu atau anak-anak perayu untuk penanggungan mereka dan kepada perayu sendiri selepas tamat tempoh hukuman yang dijalani oleh perayu. Saya masih berpendapat alasan ini sebagai faktor meringankan hukuman tidak dapat mengatasi faktor kepentingan awam bahawa dalam hal keadaan kes ini hukuman penjara ke atas perayu adalah lebih sesuai dan memadai.

Suatu perkara menarik yang dikemukakan oleh peguam perayu adalah tidak ada setakat ini keputusan dari mana-mana mahkamah di Malaysia bagi suatu kesalahan mendatangkan kecederaan di bawah s 323 Kanun Keseksaan di mana seorang tertuduh telah dijatuhkan hukuman penjara. Paling berat sesuatu hukuman yang dijatuhkan adalah berbentuk denda sahaja. Atas alasan ini peguam perayu berhujah bahawa sejauh mana berat atau seriusnya kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu mahkamah hendaklah hanya menjatuhkan hukuman maksimum denda sebanyak RM2,000. Saya tidak dapat menerima penghujahan ini. Sekiranya ini adalah kali pertama perlunya dan berpatutan sesuatu mahkamah di negara ini berbuat demikian menjatuhkan hukuman penjara maka ianya hendaklah dilaksanakan tidak kira samada seseorang tertuduh itu berkedudukan tinggi ataupun rendah. Di negara jiran di Singapura, mahkamah di sana tidak teragak-agak untuk menjatuhkan hukuman penjara bagi suatu kesalahan yang sama di bawah s 323 Kanun Keseksaan. Dalam suatu kes yang terbaru dilaporkan iaitu kes *Sim Yew Thong v Ng Loy Nam Thomas and other appeals* [2000] 4 SLR 193 bagi suatu kesalahan di bawah s 323 Kanun Keseksaan, mahkamah majistret Singapura telah menjatuhkan hukuman penjara tiga bulan ke atas salah seorang yang disaman dalam kes tersebut. Dalam kes tersebut, pihak polis telah menjalankan penyiasatan tetapi tiada pertuduhan dikenakan oleh pihak pendakwa raya. Pengadu-pengadu dalam kes tersebut telah mengambil tindakan 'private summons' dan membawa perkara tersebut untuk perbicaraan di Mahkamah Majistret. Yang Amat Arif Yong Pung How CJ, yang membicarakan rayuan kes tersebut di Mahkamah Tinggi telah mengekalkan hukuman tiga bulan penjara yang dijatuhkan oleh majistret tersebut dan memutuskan bahawa tiga bulan penjara adalah tidak terlampau berat dalam hal keadaan kes tersebut.

Saya berpendapat bahawa dalam kes perayu sekarang di mana tindakan pendakwaan terhadap perayu telah diambil oleh pendakwa raya dan kecederaan-kecederaan yang dialami oleh pengadu adalah amat serius, maka hukuman penjara dua bulan yang dijatuhkan ke atas perayu tidaklah boleh dianggap sebagai terlampau berat.

Setelah mengambil kira fakta-fakta dan hal keadaan bagaimana kesalahan ini dilakukan oleh perayu termasuk kesakitan dan penderitaan yang dialami oleh pengadu akibat kecederaan-kecederaan di bahagian kiri bahagian dahi, mata, bahagian atas bibir dan leher pengadu di mana ianya telah secara sengaja dilakukan oleh perayu terhadap pengadu serta kedudukan berkuasa perayu semasa melakukan kesalahan tersebut, saya dengan ini membuat keputusan bahawa hakim mahkamah sesyen yang

membicarakan kes ini telah bertindak betul dan tidak tersilap apabila mengenakan hukuman penjara sungguhpun perayu adalah pesalah pertama yang mempunyai rekod perkhidmatan awam yang cemerlang. Sekiranya perayu telah diprovokasi oleh pengadu dengan panggilan kepadanya, 'Ni Bapa Anjing' (Sungguhpun fakta ini tidak menjadi sebagai sebahagian fakta-fakta kes) seperti yang dihujahkan oleh peguam perayu, saya masih berpendapat serangan yang dibuat oleh perayu adalah tidak berjustifikasi dalam hal keadaan kes ini. Perlu diambil maklum bahawa semasa serangan tersebut dilakukan, perayu adalah KPN negara ini dan pengadu berada dalam tahanan polis di bilik lokap. Fakta-fakta seterusnya yang didedahkan menunjukkan bahawa perayulah yang memberi arahan kepada anggota polisnya untuk menutup mata pengadu dan menggari tangannya sebelum perayu menyerang pengadu. Oleh yang demikian perayu di atas perbuatannya sendiri telah menyalahguna kedudukannya ke atas pengadu yang langsung tidak mempunyai apa-apa cara untuk mempertahankan dirinya. Serangan tersebut hanya berhenti setelah perayu ditarik keluar dari lokap di mana pengadu berada oleh pegawai-pegawai polisnya. Hakim mahkamah sesyen tersebut telah dengan tepat menggambarkan perbuatan keras perayu sebagai kejam. Sebagai seorang pegawai nombor satu dalam pasukan Polis di-Raja Malaysia perayu sepatutnya dapat mengawal perasaan emosinya dan memperlihatkan sikap berhati-hati yang tinggi dan tidak melibatkan dirinya dalam perbuatan yang memalukan ini. Kita perlu sedar bahawa tindakan mencederakan mereka yang berada di dalam tahanan polis adalah sesuatu yang tidak dapat diterima oleh masyarakat samada di dalam mahupun di luar negara. Tindakan sebegini pastinya mencemarkan nama baik pihak polis dan negara amnya.

Saya berpendapat bahawa hukuman dua bulan penjara berasaskan fakta-fakta dan hal keadaan kes ini tidak boleh dianggap sebagai tidak sesuai dan terlalu berat terhadap perayu. Dalam pengahakiman saya untuk menghukum perayu dengan denda sahaja dalam semua hal keadaan kes ini adalah terlalu tidak sesuai dan tidak berpatutan.

Selain dari hukuman dua bulan penjara, hakim mahkamah sesyen yang membicarakan kes ini telah mengenakan denda sebanyak RM2,000 ke atas perayu. Amaun ini adalah maksimum yang dibenarkan oleh undang undang. Walau bagaimanapun, hakim mahkamah sesyen dalam penghakimannya tidak ada memberi alasan-alasan mengenakan hukuman denda tersebut. Oleh yang demikian tanpa faedah mengetahui apakah asas-asas pertimbangan yang telah diambil kira oleh hakim mahkamah sesyen tersebut dalam mengenakan hukuman denda tersebut dan samada beliau telah menggunakan prinsip-prinsip undang-undang yang betul terutamanya, setelah beliau menjatuhkan hukuman penjara ke atas perayu, Mahkamah ini berpendapat bahawa hakim mahkamah sesyen tersebut telah tersilap dalam prinsip prinsip penghukuman yang menghendaki alasan-alasan diberi ke atas sesuatu hukuman yang dijatuhkan, iaitu hukuman denda maksimum dalam kes ini (lihat kes *Lim Guan Eng v PP*). Oleh yang demikian, dengan ketiadaan alasan-alasan kenapa hukuman denda tersebut dikenakan, saya mendapati denda tersebut adalah tidak sesuai dan berpatutan dan ianya hendaklah diketepikan.

A Berhubung dengan rayuan balas pihak pendakwa raya, saya berpendapat bahawa hukuman dua bulan penjara adalah tidak terlampau ringan dan ianya adalah berpatutan atas alasan bahawa hakim mahkamah sesyen tersebut telah dengan betul mempertimbangkan akan seriusnya kesalahan yang dilakukan oleh perayu dan kemudiannya telah mengimbangi di antara kepentingan awam dengan kepentingan perayu dalam menjatuhkan hukuman penjara ke atas perayu. Hakim mahkamah sesyen tersebut telah dengan betul melaksanakan kuasa budibicara yang diletakhak ke atasnya. Oleh itu hukuman dua bulan penjara adalah sejajar dengan fakta-fakta kesalahan yang dikenakan ke atas perayu dan pada pandangan saya hukuman yang sedemikian akan sebaik mungkinnya dapat menyampaikan kehendak kepentingan awam.

C Atas alasan-alasan seperti yang telah dihuraikan di atas, rayuan perayu terhadap hukuman dua bulan penjara adalah dengan ini ditolak dan saya mengekalkan hukuman tersebut. Rayuan terhadap denda RM2,000 adalah dibenarkan. Saya dengan ini mengenepikan hukuman denda tersebut dan membuat perintah bahawa amaun denda jika telah dibayar hendaklah dikembalikan kepada perayu melalui peguamnya.

Akhir sekali rayuan balas pihak pendakwa raya adalah dengan ini ditolak.

Rayuan perayu setakat RM2,000 diketepikan dibenarkan dan rayuan Pendakwa Raya ditolak.

E

Dilaporkan oleh Moy Saw Han

F

G

H

I